

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 MARCH 2015

UMNO tidak berjaya jika ahli bersengketa – Najib

UM - 16/3/2015

KUALA LUMPUR 15 Mac - UMNO tidak akan berjaya pada pilihan raya umum akan datang sekiranya anggota parti itu bersengketa dan berpecah-belah, kata Presidennya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Najib, yang juga Perdana Menteri berkata, untuk itu, anggota UMNO seharusnya mengamalkan solidariti, persepakatan dan bekerjasama sesama mereka.

Beliau turut mengingatkan anggota UMNO supaya mengurangkan permasalahan dalaman dan cantas-mencantas antara satu sama

lain selain mengelakkan daripada mewujudkan dua pasukan dalam bahagian parti itu.

“Sentiasa pastikan kita tidak lupa tugas utama kita, iaitu pastikan UMNO terus berkuasa memimpin dan memperjuangkan hak rakyat yang sentiasa dekat di hati,” katanya dalam tulisan menerusi blognya *NajibRazak.com*, hari ini.

Dalam pada itu, Najib turut melahirkan rasa syukur dengan semangat baharu dalam kalangan anggota UMNO Kedah yang hadir pada Konvensyen UMNO Kedah

2015 bertemakan 'UMNO Tonggak Transformasi' semalam.

“Alhamdulillah saya lihat sebuah semangat baharu dalam kalangan ahli UMNO Kedah yang hadir, dan mudah-mudahan pada konvensyen akan datang kita akan lihat semangat ini kekal subur dan dijadikan suatu punca inspirasi untuk kita terus berjuang,” katanya.

Najib berkata, anggota UMNO negeri itu perlu menjadikan faktor kejayaan merampas Kedah daripada pembangkang sebagai iktibar dalam perjuangan.

“Tahniah kepada jentera UMNO Kedah kerana Alhamdulillah kita bertemu di Konvensyen UMNO Kedah pagi semalam dalam keadaan kita sebagai parti pemerintah negeri Kedah.

“Kita perlu mengambil kegagalan Kerajaan Kedah sebelum ini dan apa yang menjadi faktor kejayaan kita memenangi Kedah sebagai iktibar untuk menghadapi pilihan raya umum yang akan datang,” katanya.

Najib berkata antara faktor penyumbang kemenangan itu adalah permuafakatan dan semangat sepasukan. - BERNAMA